



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH DALAM
KALANGAN GURU PENDIDIKAN SENI VISUAL SEKOLAH KEBANGSAAN
DI HILIR PERAK DAN BAGAN DATUK**

LEE HOI YEH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN SENI)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneroka pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam kalangan guru Pendidikan Seni Visual (PSV) Sekolah Kebangsaan di Hilir Perak dan Bagan Datuk. Fokus kajian adalah mengenai kesediaan guru-guru PSV dalam melaksanakan PBS serta membentuk pengujian PBS dalam pentaksiran dan pengukuran di tiga buah sekolah kebangsaan di Hilir Perak dan Bagan Datuk. Kajian dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan reka bentuk kajian kes. Kajian kes telah dijalankan di tiga buah sekolah kebangsaan yang melibatkan dua (2) orang pentadbir sekolah dan 11 orang guru Sekolah Kebangsaan di bandar dan luar bandar. Data dikumpul menggunakan temu bual, pemerhatian, rakaman visual dan analisis dokumen. Data kajian dianalisis secara tematik berdasarkan model alir Miles dan Huberman. Tema yang muncul daripada temubual adalah kesediaan guru, pelaksanaan PBS serta bentuk pengujian dan pengukuran. Kajian ini menggunakan model ASSURE untuk mengkaji proses pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi tiga komponen iaitu menganalisis murid, menyatakan objektif serta melakukan penilaian. Dapatkan kajian menunjukkan guru kurang bersedia dari segi pengetahuan dan kemahiran pelaksanaan PBS atas sebab kekurangan pemantauan dan penjaminan kualiti dalam proses melaksanakan PBS. Sehubungan itu, dapatkan kajian menunjukkan tahap kesediaan guru dari aspek kehadiran kursus, penetapan objektif, dan proses menganalisis murid masih lemah. Dalam melaksanakan pentaksiran PBS, kebanyaknya guru tidak merujuk instrumen yang disediakan oleh pihak KPM. Dapatkan turut menunjukkan pentaksiran PBS dalam PSV lebih sesuai ditaksir berdasarkan konsep estetik yang boleh dijadikan sebagai rujukan bagi menjamin mutu penilaian karya. Kesimpulannya, guru PSV masih lemah dalam aspek kemahiran melaksanakan PBS. Implikasi kajian adalah penambahbaikan dari aspek pengetahuan dan kemahiran guru PSV dalam melaksanakan PBS perlu diperkasa melalui latihan berkala dan panduan yang relevan untuk guru PSV.





IMPLEMENTATION OF SCHOOL BASED ASSESSMENT AMONG VISUAL ART AS SUBJECT TEACHERS IN MALAYSIAN PRIMARY SCHOOL WITHIN DISTRICT OF HILIR PERAK AND BAGAN DATUK

ABSTRACT

This aim of this study was to explore the implementation of School-Based Assessment (SBA) among the Visual Art Education (VAE) teachers in the national primary schools in the district of Hilir Perak and Bagan Datuk. The focus of the research was on the readiness of the VAE teachers in implementing the SBA, on the test formats of SBA in the assessments and measurements as well as on the implementation process and strategy of SBA among VAE teachers in three primary schools in Hilir Perak and Bagan Datuk. The study used a qualitative approach based on a case-study design. The case study was conducted in several national primary schools located in the urban and rural areas in the district of Hilir Perak and Bagan Datuk. Data were collected through in-depths interviews, observations, documents reviews, and visual recordings. Data were analysed thematically based on Miles and Huberman's flow model. There were three main themes generated from in-depth interviews including teachers' readiness, implementation of SBA and tests format of SBA in the assessments and measurements. This study used the ASSURE model to explore the components in teaching and learning process. Findings showed the teachers were lack of preparedness in particular aspect of knowledge and skills of implementation od SBA on account of the lack of monitoring and quality assurance. Consequently, findings found that the level of teachers' readiness in terms of attending SBA-related courses and setting-up learning objectives and the process of analysing students' performance was still weak. Many teachers were being reluctant to refer the instrument provided for the implementation of SBA by the Ministry of Education. In addition, the research findings indicated that the assessment of SBA in VAE would be better carried out based on the aesthetical concept, which could be made as a reference to ascertain the quality of assessment of visual arts. As a conclusion, the VAE teachers were still weak in the aspect of skills to implement the SBA. Implication from this research was the aspect of refining teachers' skills to implement the SBA needed to be strengthened though periodical training and relevant guidance for VAE teachers.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vii
-----------------	-----



KANDUNGAN	xiii
------------------	------

SENARAI JADUAL	xiv
-----------------------	-----

SENARAI RAJAH	xiv
----------------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xv
--------------------------	----

SENARAI LAMPIRAN	xvii
-------------------------	------

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Objektif Penyelidikan	13
1.5 Persoalan Penyelidikan	13





1.6 Kepentingan Penyelidikan	14
1.7 Definisi Operasional	
1.7.1 Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	15
1.7.2 Pendidikan Seni Visual	17
1.8 Organisasi Penulisan Bab Tesis	19

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	21
2.2 Teori Pembelajaran dan Pentaksiran	25
2.2.1 Konsep Pentaksiran	26
2.3 Pengujian, Pengukuran, Penilaian dan Pentaksiran	28
2.4 Prinsip Pentaksiran Pendidikan Seni Visual	31
2.4.1 Proses	32
2.4.2 Kandungan	33
2.5 Sejarah dan Perkembangan Pentaksiran	36
2.5.1 Perkembangan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Luar Negara	38
2.5.2 Perkembangan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di Malaysia	43
2.6 Pentaksiran Berasaskan Sekolah	45
2.7 Pentaksiran Berasaskan Sekolah Pendidikan Seni Visual	47
2.7.1 Peranan Guru Pembimbing	47
2.7.2 Strategi Pembelajaran dan Pemudahcaraan	48
2.7.3 Strategi Pentaksiran Pendidikan Seni Visual	50





2.8 Kajian-kajian Berkaitan Pelaksanaan PBS	57
2.9 Kerangka Konsep Kajian	65
2.10 Rumusan	69

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	71
3.2 Pendekatan Kajian	72
3.3 Reka Bentuk Kajian	74
3.4 Pemilihan Tempat Kajian	77
3.4.1 Profil Sekolah A	78
3.4.2 Profil Sekolah B	79
3.4.3 Profil Sekolah C	79
3.5 Responden Kajian	80
3.5.1 Prinsip Pemilihan Responden	80
3.5.2 Profil Responden	82
3.6 Pengumpulan Data	88
3.6.1 Temu bual	88
3.6.2 Pemerhatian	91
3.6.3 Kajian Dokumen	93
3.7 Matrik Pengumpulan Data	103
3.8 Kebolehpercayaan Data	104
3.8.1 Kredibiliti	105





3.8.2 Kebolehpindahan	106
3.8.3 Kebolehgantungan	107
3.8.4 Kebolehsahan	108
3.9 Proses dan prosedur pengumpulan data	108
3.9.1 Persediaan Penyelidikan	109
3.9.2 Proses Pengumpulan data	111
3.9.3 Selepas Pengumpulan Data	115
3.9.4 Membuat kesimpulan Kajian	115
3.10 Analisis Data	116
3.11 Rumusan	122

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	123
4.2 Bagaimanakah kesediaan guru-guru PSV di Hilir Perak dan Bagan Datuk dalam melaksanakan PBS?	124
4.2.1 Menghadiri Kursus PBS PSV	124
4.2.2 Menyatakan Objektif	128
4.2.3 Menganalisis Murid	130
4.3 Apakah kaedah pentaksiran PBS dalam pentaksiran dan pengukuran yang dilaksanakan dalam kalangan guru-guru PSV di Hilir Perak dan Bagan Datuk	134
4.3.1 Kaedah Pentaksiran	134
4.3.2 Jenis-jenis Pentaksiran	139





4.4	Bagaimanakah proses dan strategi pelaksanaan PBS guru-guru PSV Hilir Perak dan Bagan Datuk berkait hubung dengan estetik	146
4.4.1	Proses Pelaksanaan PBS	147
4.4.1.1	Sebelum menjalankan pentaksiran	147
4.4.1.2	Semasa menjalankan pentaksiran	151
4.4.1.3	Selepas menjalankan pentaksiran	157
4.4.2	Strategi Pelaksanaan PBS	158
4.4.2.1	Permerhatian	158
4.4.2.2	Menekankan Penggunaan Murid	162
4.4.2.3	Penerangan dan Demonstrasi	164
4.4.2.4	Pentaksiran Lisan	167
4.4.2.5	Rubrik Penskoran	167
4.4.3	Estetik	169
4.5	Rumusan	197



BAB 5 RUMUSAN DAN PENUTUP

5.1	Pengenalan	200
5.2	Perbincangan dapatan kajian	201
5.2.1	Kesediaan guru-guru PSV Hilir Perak dan Bagan Datuk dalam melaksanakan PBS	203
5.2.1.1	Kehadiran Kursus PBS PSV	204
5.2.1.2	Menyatakan Objektif	205
5.2.1.3	Menganalisis Murid	207
5.2.2	Kaedah Pentaksiran PBS dalam Pentaksiran dan Pengukuran	208





5.2.2.1	Kaedah Pentaksiran	209
5.2.2.2	Jenis-jenis Pentaksiran	210
5.2.3	Proses dan Strategi Pelaksanaan PBS PSV Berkait Hubung dengan Estetik	212
5.2.3.1	Proses Pelaksanaan PBS PSV	212
5.2.3.2	Strategi Pelaksanaan PBS	215
5.2.3.3	Estetik	218
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	220
5.3.1	Implikasi Model Kajian	220
5.3.2	Implikasi kepada Kementerian Pelajaran Malaysia	221
5.3.3	Implikasi kepada Institut Pendidikan Guru Malaysia	223
5.3.4	Implikasi kepada Komuniti Sekolah	226
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	227
5.5	Kesimpulan	228
RUJUKAN		234
LAMPIRAN		247





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
3.1 Rubrik Penskoran PBS PSV Tahun 4	96
3.2 Rubrik Penskoran PBS PSV Tahun 5	97
3.3 Rubrik Penskoran PBS PSV Tahun 6	99
3.4 Rubrik Penskoran PBS PSV Tahun 6	100
3.5 Matriks Pengumpulan Data	103



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
2.1. Kerangka Konsep Model Assure Yusup Hashim (2006) adaptasi konsep estetik PSV	Error! Bookmark not defined.5
3.2. Proses Menganalisis Data Kajian Menggunakan Model Alir (Sumber Miles & Huberman, 1994)	118
4.3. Karya hasil murid dari Sekolah A	183
4.4. Karya hasil murid dari Sekolah B	185
4.5. Karya hasil murid dari Sekolah C	187
4.6. Karya hasil murid dari Sekolah C	189
4.7. Karya hasil murid dari Sekolah A	190
4.8. Karya hasil murid dari Sekolah B	192
4.9. Karya hasil murid dari Sekolah A	193
4.10. Karya hasil murid dari Sekolah C	195
4.11. Karya hasil murid dari Sekolah B	196
5.1. Kerangka Konsep Baharu Model Assure Yusup Hashim (2006) adaptasi konsep estetik PSV	203





SENARAI SINGKATAN

AP	Advanced Placement
BBM	Bahan Bantu Mengajar
CSEC	Caribbean Secondary Education Certificate
DBAE	Discipline-Based Arts Education
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EPRD	Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia
IPG	Institut Pendidikan Guru
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPNP	Jabatan Pendidikan Negeri Perak
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LP	Lembaga Peperiksaan
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
NEI	National Education Institute
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Perekodan Perkembangan Pembelajaran Murid
PS 1	Pentadbir Sekolah 1
PS 2	Pentadbir Sekolah 2
PSV	Pendidikan Seni Visual





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

- RBT** Reka Bentuk dan Teknologi
SBA School Based Assessment
SPPK Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Pelaporan PSV
- B Surat Kelulusan untuk Menjalankan Kajian
- C Surat Kebenaran Pelaksanaan Kajian di Sekolah
- D Surat Pemohonan Kelulusan Menjalankan Penyelidikan
- E Surat Kelulusan Menjalankan Kajian di Sekolah
- F Sambungan Surat Kelulusan Menjalankan Kajian di Sekolah
- G Surat Kelulusan Menjalankan Kajian di Sekolah Daerah Hilir Perak
- H Sambungan Surat Kelulusan Menjalankan di Sekolah Daerah Hilir Perak
- I Borang Panduan Temu Bual Guru
- J Contoh Salinan Transkrip Temu Bual Bual I
- K pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun
Contoh Salinan Transkrip Temu Bual II
- L Contoh Salinan Transkrip Temu Bual III
- M Contoh Salinan Borang Catatan Pemerhatian
- N Contoh Salinan Borang Catatan Nota Lanpangan
- O Instrumen Dokumentasi
- P Rakaman Visual daripada Lapangan Kajian I
- Q Rakaman Visual daripada Lapangan Kajian II





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



1.1 Pengenalan

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian ini berfokus kepada isu pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) oleh guru-guru Pendidikan Seni Visual (PSV) di Hilir Perak dan Bagan Datuk dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan estetik. Kajian ini bertepatan dengan hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk mengubah sistem pentaksiran negara yang berorientasikan peperiksaan kepada bentuk pentaksiran yang lebih umum supaya dapat mengukur pencapaian sebenar murid.

PBS diperkenalkan bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan bertaraf dunia, melahirkan masyarakat yang berdaya saing, mempunyai nilai moral yang tinggi dan relevan dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan matlamat pendidikan negara.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 turut memberi perhatian terhadap bidang pentaksiran. Pentaksiran merupakan salah satu daripada sebelas anjakan untuk mentransformasikan sistem pendidikan. Cadangan tersebut memberi tumpuan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi melalui rombakan peperiksaan dan pentaksiran kebangsaan iaitu peperiksaan dan pentaksiran mestilah berasaskan sekolah dan rujukan kriteria, bukan rujukan norma.

Disertasi ini membincangkan latar belakang kajian berkaitan pentaksiran dalam bidang Pendidikan Seni Visual (PSV) berdasarkan objektif PSV. Masalah-masalah yang timbul dalam pentaksiran akan turut dibincangkan dalam tesis ini. Kajian ini juga diikuti dengan objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional yang digunakan.



1.2 Latar Belakang Kajian

Bagi merintis perubahan dan pembaharuan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) bertujuan untuk menambahbaik, memantap dan memperbaharu amalan pentaksiran dan penilaian pendidikan di Malaysia. Sistem baru ini bersifat holistik dari segi perkara ditaksir, kaedah mentaksir, pentaksir serta perkara dilaporkan dan pengiktirafan (Institut Aminuddin Baki, 2012).

Kurikulum dan pentaksiran mesti selaras dengan tanda aras antarabangsa bagi memastikan murid di negara ini memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang





diperlukan untuk berjaya pada abad ke-21 dan seiring dengan semangat pembelajaran sepanjang hayat (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013: 4-1).

Modal ASSURE (Heinich, Molenda, Russell, dan Smaldino, 1993) merupakan satu model reka bentuk pengajaran yang boleh digunakan untuk merancang penggunaan media secara sistematik. Model ini digubal oleh Heinich, Molenda, Russell, dan Smaldino (2002). Model ini berfokus kepada perancangan dalam situasi bilik darjah dan merupakan panduan merancang dan mengendalikan pengajaran yang menggunakan media. Proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih sempurna dan dapat mencapai objektif pembelajaran dengan adanya perancangan yang lengkap dan sistematik. Seseorang guru perlu mengetahui perkara-perkara yang hendak dilaksanakan sebelum, semasa dan selepas proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru memerlukan satu perancangan yang rapi untuk memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Terdapat enam langkah dalam Model ASSURE iaitu analisis murid, penyataan objektif, pemilihan media dan bahan, penggunaan media dan bahan, penglibatan murid dalam pembelajaran dan penilaian. Proses menganalisis murid amat penting kerana melalui maklumat awal dan latar belakang murid, guru dapat menghasilkan bahan pengajaran yang baik dan sesuai dengan latar belakang murid. Mengenal pasti kesediaan dan pengetahuan sedia ada pada murid berkaitan dengan tajuk yang hendak diajar serta kajian bakat, umur, kelas serta taraf ekonomi murid akan memudahkan proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Rasionalnya, objektif pengajaran amat penting sebagai panduan kepada guru tentang cara untuk menjalankan aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah dan memilih media yang paling sesuai bagi setiap





aktiviti yang dijalankan. Penentuan objektif adalah berdasarkan kepada peringkat objektif yang ingin dicapai, keadaan pembelajaran atau kriteria yang dihajati. Penilaian terbahagi kepada dua aspek iaitu penilaian pembelajaran dan penilaian pengajaran. Penilaian boleh dilakukan sama ada penilaian formatif atau penilaian sumatif. Menilai dan menyemak semula bahan amat diperlukan kerana guru bukan sahaja dapat mengenal pasti kekuatan bahan tersebut malah guru boleh memperbaiki kelemahan bahan itu sehingga sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kementerian akan memastikan pentaksiran secara holistik dilaksanakan melalui peperiksaan awam dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Antara langkah yang dijalankan adalah meningkatkan kerangka pentaksiran bagi menambahkan item yang menguji kemahiran berfikir aras tinggi dan bergerak ke arah menggunakan rujukan standard PBS (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013:4-1).

Lembaga Peperiksaan (LP) telah memulakan beberapa langkah penambahbaikan bagi memastikan pentaksiran dijalankan secara holistik seperti yang ditetapkan dalam dasar kementerian. Pada tahun 2011, selaras dengan KSSR, LP melaksanakan format PBS baharu yang lebih holistik, kukuh dan selari dengan kurikulum rujukan standard. Terdapat empat komponen dalam PBS iaitu pentaksiran sekolah yang merujuk pelbagai bentuk pentaksiran autentik dan kontekstual yang mengukur tahap penguasaan pembelajaran murid bagi sesuatu mata pelajaran. Pentaksiran sekolah dilaksanakan secara formatif dan sumatif bagi melihat perkembangan pembelajaran murid serta menambah baik pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya ialah pentaksiran berpusat yang merujuk kepada ujian





bertulis, tugas projek, atau ujian lisan (bagi mata pelajaran bahasa) yang mentaksir pembelajaran sesuatu mata pelajaran. LP telah menghasilkan soalan ujian, skema pemarkahan, instrumen pentaksiran, peraturan penskoran, pengredan, dan menyediakan laporan. Pentaksiran ditadbir dan diskor oleh guru sekolah berdasarkan panduan yang disediakan oleh LP. Seterusnya ialah pentaksiran psikometrik yang merujuk ujian aptitud dan inventori keperibadian yang mentadbir kemahiran, minat, aptitud, sikap, dan keperibadian murid. Ujian aptitud digunakan bagi menilai bakat semula jadi dan kebolehan yang diperoleh seperti kebolehan berfikir dan menyelesaikan masalah. Inventori personaliti digunakan bagi mengenal pasti sifat keperibadian dan ciri utama yang membentuk personaliti murid. LP menghasilkan instrumen ini dan menyediakan garis panduan tentang cara penggunaannya. Akhir sekali ialah pentaksiran aktiviti jasmani, sukan, dan kokurikulum yang merujuk kepada pentaksiran ketahanan fizikal dan indeks fizikal badan murid dan penyertaan, penglibatan serta prestasi murid dalam sukan, badan beruniform, kelab dan persatuan, dan aktiviti lain yang bukan tajaan sekolah. Sekolah melaksanakan pentaksiran ini berdasarkan garis panduan yang disediakan oleh LP (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013:4-4).

Pentaksiran adalah proses atau kaedah yang digunakan untuk mengumpul maklumat tentang murid, program atau objek (Beattie, 1997; Rayment, 2011), melibatkan proses mensistesis dan mentafsir maklumat untuk membantu membuat keputusan di bilik darjah termasuk pengurusan bilik darjah, pendidikan, pembelajaran dan rancangan murid (Airasian & Russell, 2008).





Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan salah satu komponen pentaksiran yang dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksiran dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. PBS dirancang, ditadbir, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Bagi menjamin kualiti pelaksanaan PBS, mekanisma penyelarasan dan pemantauan akan dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan skor pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah (Rosli Ilyas, 2008).

Dalam konteks pentaksiran di Malaysia, pentaksiran ialah proses untuk mendapatkan maklumat menyeluruh tentang perkembangan individu. Di samping itu, pentaksiran juga bertujuan melihat perkembangan pengajaran dan pembelajaran dalam pembangunan dan pembentukan modal insan yang berpengetahuan, berinovasi dan mempunyai nilai moral. Pentaksiran di Malaysia telah disesuaikan dengan konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Kebangsaan iaitu pentaksiran seharusnya dapat mengukur, menggambarkan perkembangan dan pencapaian pelajaran dalam semua aspek kognitif, afektif dan psikomotor (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Menurut Mokhtar Ismail (2009), PBS akan menilai murid dalam konteks sebenar kerana penilaian akan menekankan prinsip holistik, sepadu, seimbang dan fleksibel murid dapat diterapkan dengan pelbagai kemahiran meliputi kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berfikir dan boleh menyesuaikan ilmu yang dipelajari dengan situasi sebenar di luar konteks persekolahan.





Pelaksanaan PBS juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti faktor guru, murid, pentadbiran, pemantauan dan penyelarasan (Tan, 2010). Menurut Raffan (2001), PBS adalah satu pentaksiran yang berkesan dan amat penting untuk pendidikan, namun PBS juga sukar dijalankan, mengambil masa dan sering kali memerlukan kos yang tinggi. Perkara penting dalam pengajaran, pembelajaran dan proses pentaksiran ialah penekanan kepada ketulenan, perlu menjadi budaya dalam pentaksiran yang dijalankan di bilik darjah (McMillan, 2007).

Penilaian atau Pentaksiran Berasaskan Sekolah membolehkan guru menilai apa jua aktiviti yang difikirkan sesuai untuk dipelajari oleh murid, bukan sahaja perkara yang berkaitan dengan akademik tetapi juga perkara yang berkaitan dengan pembinaan sahsiah, adab, akhlak dan kemahiran sosial yang dikehendaki oleh majikan dan masyarakat. Dengan cara ini, murid dan guru akan lebih memberi fokus kepada proses mendidik murid menjadi seseorang yang berpengetahuan, berkemahiran dan memperkenalkan akhlak mulia. Guru yang menilai mestilah berpengetahuan dan berkemahiran dalam menjalankan penilaian terhadap pembelajaran murid. Penilaian pengajaran dan pembelajaran menitikberatkan rancangan dan kemajuan program. Penilaian yang dilakukan ialah mengenai apa yang sedang berlaku dalam program, skop dan aktiviti-aktiviti dan gambaran program. Selain itu, memfokuskan mengenai pelanggan dan personal, mengenal pasti isu-isu utama dan permasalahan yang wujud dan membuat laporan pencapaian program (Stake, 2000).

Penilaian pengajaran dan pembelajaran merupakan satu proses memperoleh maklumat secara bersistem dalam usaha membuat keputusan tentang tindakan susulan yang paling wajar. Justeru, penilaian yang dilakukan di sekolah adalah satu usaha





berstruktur dan bersistem bagi mengkaji perubahan, penguasaan, pencapaian setiap murid dalam ujian dan peperiksaan yang diadakan bagi mengatasi masalah yang timbul sebelum murid menduduki peperiksaan sebenar kelak (Gay, 1985).

Proses penilaian dalam Pendidikan Seni perlu dilihat sebagai satu usaha untuk mengesan pencapaian dan prestasi murid kerana melalui penilaian ini kebolehan murid dalam menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari sama ada dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor dapat ditunjukkan seiring dengan objektif mata pelajaran Pendidikan Seni itu sendiri yang keseluruhannya untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Kesan daripada objektif di atas, guru perlu mengubah suai kaedah dan cara menilai prestasi murid. Instrumen yang digunakan perlu sesuai untuk penilaian yang berkesan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).



Melalui penilaian yang telah dilakukan oleh guru dengan penggunaan instrumen yang sesuai, guru dapat mengesan punca-punca kelemahan murid. Selepas membuat kajian terhadap keputusan ujian murid barulah guru dapat menggunakan maklumat itu untuk membuat perancangan aktiviti dan bahan-bahan pengajaran yang lebih efisien. Seterusnya, guru akan merancang isi pelajaran serta menggunakan pendekatan atau kaedah yang sejajar dengan pengetahuan sedia ada murid. Namun begitu, kualiti seseorang guru juga menjadi ukuran dalam melaksanakan penilaian tersebut kerana keberkesanan sesuatu penilaian itu menentukan kualiti sesuatu aktiviti yang dirancang. Justeru, guru perlu mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam mata pelajaran yang diajar supaya dapat menggalakkan murid mengeluarkan idea yang lebih spontan (Beattie, 1997).





Bagi mata pelajaran Pendidikan Seni, penilaian lebih menjurus dan fokus kepada tahap kemahiran serta keupayaan murid dalam menghasilkan sesebuah karya atau produk dengan menggunakan bahan, peralatan, dan media yang mampu disediakan. Penilaian juga dilihat berdasarkan kepada kecekapan murid menggunakan peralatan, bahan dan media bersesuaian dengan tema yang diberikan. Hal ini termasuklah penilaian yang berfokus kepada kecekapan atau keterampilan murid dalam menghasilkan produk seni. Penilaian seumpama ini yang dilihat terikat pada kandungan mata pelajaran dan terbatas kepada produk seni itu sendiri tidak mampu menunjukkan penilaian yang telah sedia ada mengikut prinsip-prinsip penilaian yang sebenarnya iaitu termasuk kreatif, inovatif, kritis dan harmonis. Justeru, sudah tiba masanya untuk kita memperbaiki kaedah atau cara pelaksanaan penilaian mata pelajaran Pendidikan Seni ini (Beattie, 1997).



1.3 Pernyataan Masalah

Setelah sekian lama PBS dilaksanakan, pelbagai persoalan timbul kerana sejarah dan budaya pendidikan negara menyukarkan pelaksanaan secara keseluruhan. Sistem PBS di Australia telah berkembang bersama-sama dengan sejarah persekolahan di negara itu yang beroperasi hasil usaha komuniti tempatan masing-masing. Penekanan kurikulum sekolahnya adalah mengikut kehendak persekitaran komuniti itu. Apabila sistem pendidikan berkembang dengan kemajuan dalam bidang-bidang ini, unsur penglibatan komuniti tempatan masih wujud. Perkembangan begini melahirkan tradisi pentadbiran dan pendidikan termasuk Pentaksiran Berasaskan Sekolah dengan lebih mudah dan berkesan (Omar Mohd Hashin, 1996).





Proses pelaksanaan pentaksiran Pendidikan Seni Visual seharusnya dapat mengembangkan potensi murid secara menyeluruh merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Walau bagaimanapun, menurut Mims (2003), pelaksanaan pentaksiran itu sendiri didapati tidak menggambarkan pengetahuan, kemahiran dan membawa keluar potensi murid secara sebenar melalui proses pentaksiran. Sebaliknya, sebahagian besar pentaksiran hanya untuk mengesahkan pembelajaran melalui pentaksiran (Chan, Gurnam Kaur Sindhu & Md. Rizal Md Yunus, 2009).

PBS Pendidikan Seni Visual dirancang, dipantau dan dikawal oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Namun, perancangan di peringkat pusat perlu disesuaikan pelaksanaannya di peringkat sekolah kerana persekitaran dan latar belakang murid yang berbeza. Penyelarasan pelaksanaan dan skor yang diberi di peringkat sekolah yang dipiawaikan juga adalah suatu bentuk standardisasi yang terpesong daripada kaedah pentaksiran autentik. Menurut Mokhtar Ismail (2009), dari segi amalan, PBS paling sukar diselaraskan seluruh negara kerana keputusan akhir peperiksaan bentuk ini mesti dipastikan ketekalannya. Hasil pentaksiran guru perlu diselaraskan oleh pusat. Guru juga mempunyai tugas lebih berat dalam membuat pemarkahan. Masalah kawalan mutu produk perlu diberi perhatian apakah benar dilakukan oleh murid di dalam kelasnya atau mengupah orang lain (Mokhtar Ismail, 2009). Perkara tersebut perlu diberi perhatian kerana dalam menjalankan proses pentaksiran, murid seharusnya dinilai secara telus bersesuaian dengan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki (Azizi, 2010) tanpa adanya tekanan dan kawalan dari pelbagai pihak.

Guru Pendidikan Seni Visual berperanan sebagai guru pembimbing, pentaksir sekolah dan mengurus pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual. Sebagai pentaksir





sekolah, guru perlu melakukan pentaksiran secara berterusan dan memaklumkan pencapaian semasa calon (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2008). Justeru, kualiti diri seorang guru Seni khususnya pengetahuan dalam aspek penskoran dan kemahiran mereka mengendalikan pentaksiran boleh mempengaruhi pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual. Hal ini demikian kerana faktor kesediaan guru, akauntabiliti guru, peranan pentaksir kawasan dan tahap kompetensi guru khususnya cara melaksanakan pentaksiran seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran sering menjadi isu pelaksanaan PBS (Tan, 2010).

Apabila PBS dilaksanakan secara berpusat, timbul kekeliruan dalam kalangan guru. Setelah dilaksanakan, timbul pula pelbagai persoalan dan isu besar yang menjelaskan pelaksanaannya secara berkesan. Antara persoalan yang timbul ialah guru-guru masih belum memahami konsep dan matlamat PBS iaitu kesediaan dan pengetahuan guru terhadap PBS. Mereka tidak memahami bahawa PBS adalah bertujuan untuk membantu guru-guru mengesan pencapaian serta kemajuan murid supaya tindakan susulan yang sesuai dapat dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran (Rohayah Ishak, 2007).

Proses pentaksiran Pendidikan Seni Visual perlu berdasarkan keperluan murid, falsafah, matlamat dan objektif kurikulum pelajaran tersebut, mentaksir apa yang telah diajar dan dipelajari oleh murid seterusnya menggunakan metodologi yang relevan dalam proses pentaksiran. Oleh hal yang demikian, pelaksanaan PBS Pendidikan Seni Visual perlu ditaksir dan perkara yang ditaksir itu relevan dan sesuai selaras dengan falsafah dan huraihan sukanan pelajaran (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2011). Prinsip kesahan dan kebolehpercayaan menjadi perkara penting dalam menjalankan





pentaksiran (Azizi Ahmad, 2010; Burke, 2005; Cotton, 1995; Darling-Hammond & McCloskey, 2008; McMillan, 2008) malah menjadi penentu kepada pentaksiran autentik. Menurut Hurwitz dan Day (2001), pentaksiran Pendidikan Seni Visual mesti dilakukan sepadan dengan objektif, dilaporkan secara jelas dan memberi makna kepada murid. Bagi meningkatkan kesahihan, pentaksiran perlu diuruskan secara objektif, mengikut prinsip, mengambil kira kaedah, penskoran, beretika dan mempunyai ekuiti, dan tidak boleh dilakukan secara sambil lewa. Pentaksiran Pendidikan Seni Visual juga perlu berkesan, boleh dipercayai, rapi dan adil untuk semua murid.

Sistem pentaksiran yang berpusat (*centralize*) ini kurang memberikan autonomi kepada pihak sekolah dalam mentaksir murid berdasarkan tahap dan kebolehan yang berlainan. Pentaksiran yang '*one size fits all*' ini telah mengabaikan elemen perbezaan antara individu serta menghalang perkembangan murid secara holistik dari segi jasmani dan rohani. Kaedah pentaksiran seperti ini telah mematikan makna pendidikan serta membunuh keseronokan dan kemeriahinan alam persekolahan (*The joy and fun of schooling*). Fenomena ini turut menimbulkan persepsi dalam kalangan masyarakat yang melihat sekolah sebagai institusi yang hanya berperanan menyediakan murid untuk menghadapi peperiksaan semata-mata dan bersekolah disamaertikan dengan belajar untuk menghadapi peperiksaan (Ong, 2012).





1.4 Objektif Penyelidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penilaian pelaksanaan PBS guru-guru di Hilir Perak dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan estetik. Secara objektifnya, tujuan penyelidikan ini adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Mengenal pasti kesediaan guru-guru PSV di Hilir Perak dan Bagan Datuk dalam melaksanakan PBS.
- 1.4.2 Mengenal pasti kaedah pentaksiran PBS dalam pentaksiran dan pengukuran yang dilaksanakan dalam kalangan guru PSV di Hilir Perak dan Bagan Datuk.
- 1.4.3 Mengenal pasti proses dan strategi pelaksanaan PBS guru-guru PSV di Hilir Perak dan Bagan Datuk berhubung kait dengan estetik.



1.5 Persoalan Penyelidikan

Secara literalnya, kajian ini bertujuan untuk memahami dan menjawab secara terperinci persoalan-persoalan berikut:

- 1.5.1 Bagaimanakah kesediaan guru-guru PSV di Hilir Perak dan Bagan Datuk dalam melaksanakan PBS?
- 1.5.2 Apakah kaedah pentaksiran PBS dalam pentaksiran dan pengukuran yang dilaksanakan dalam kalangan guru PSV di Hilir Perak dan Bagan Datuk?
- 1.5.3 Bagaimanakah proses dan strategi pelaksanaan PBS guru-guru PSV di Hilir Perak dan Bagan Datuk berhubung kait dengan estetik?





1.6 Kepentingan Penyelidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penilaian pelaksanaan PBS guru-guru di Hilir Perak dan Bagan Datuk dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan matlamat PSV.

Hasil dari kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan di peringkat sekolah supaya dapat meningkatkan kualiti Pendidikan Seni Visual dalam kalangan murid di Hilir Perak dan Bagan Datuk. Melalui kajian ini juga dapat memberi kefahaman kepada guru-guru PSV tentang pelaksanaan PBS.

Selain itu, hasil kajian ini boleh diimplikasi oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk dilaksanakan di semua sekolah Negeri Perak supaya pelaksanaan PBS PSV lebih berlandaskan matlamat PSV.

Dapatan kajian ini harap dapat digunakan dalam merangka kursus atau latihan yang sesuai kepada guru-guru Pendidikan Seni Visual yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PBS.

Tambahan pula, hasil dan kajian ini boleh diguna oleh Institut Latihan di Malaysia untuk memberi dedahan kepada institut latihan di Malaysia terlebih dahulu supaya mereka lebih terlatih untuk melaksanakan PBS PSV yang berlandaskan estetik pada masa kelak. Maklumat tentang penilaian pelaksanaan Pendidikan Seni Visual PBS dapat dikumpul dan didokumentasikan agar dapat menjadi panduan kepada pengkaji lain untuk mendalami kajian bagi mendapatkan keputusan yang lebih





bermakna dalam memperkembangkan dan memperluaskan ilmu dalam bidang pendidikan.

1.7 Definisi Operasional

Beberapa konsep yang digunakan dalam kajian ini diberikan definisi secara operasional dan diperjelaskan mengikut konteks kajian ini untuk memudahkan pemahaman dan perbincangan.

1.7.1 Pentaksiran Berasaskan Sekolah

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan satu bentuk pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah semasa berlangsungnya proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. PBS dapat menilai pelajar secara holistik yang meliputi aspek kognitif (intelek), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. PBS memberi autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran berdasarkan kesediaan murid. Menurut Chan, Gurnam Kaur Sindhu, dan Md Rizal Md Yunus (2009), PBS adalah satu pendekatan yang dibentuk bagi membantu guru mendapat maklum balas kekuatan dan kelemahan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Maklumat tersebut sangat berguna untuk meningkatkan penguasaan pembelajaran kerana ia dilakukan secara formal, bersifat formatif dan sumatif.





Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan satu bentuk pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah. Ianya dirancang, ditadbir, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2011). PBS merupakan salah satu komponen pentaksiran yang dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksirannya dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Demi menjamin kualiti pelaksanaan PBS, mekanisma penyelarasan dan pemantauan akan dilaksanakan untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan skor pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah.

Lembaga Peperiksaan Malaysia (2012) mengkategorikan PBS kepada dua komponen utama iaitu akademik dan bukan akademik. Komponen akademik terdiri daripada pentaksiran pusat dan pentaksiran sekolah, manakala komponen bukan akademik adalah pentaksiran psikometrik dan pentaksiran aktiviti jasmani, sukan dan kokurikulum.

Dalam konteks kajian ini, definisi operasional yang digunakan terhadap PBS Pendidikan Seni Visual ialah satu pentaksiran yang dilaksanakan di peringkat sekolah, ditadbir oleh guru mata pelajaran Seni Visual mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). LPM menyediakan instrument merangkumi piawai, kriteria, panduan dan peraturan. Sekolah akan merancang, mentadbir, melakukan pentaksiran dan melaporkan keputusan pelajar. PBS Pendidikan Seni Visual akan menaksir proses dan produk iaitu mengamalkan konsep pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran kepada pembelajaran.





Panduan PBS oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (2011) menerangkan konsep PBS iaitu PBS memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif yang berdasarkan sekolah.

1.7.2 Pendidikan Seni Visual

Pendidikan Seni Visual adalah untuk membentuk keperibadian generasi Malaysia yang celik budaya, mempunyai nilai-nilai estetik yang tinggi, imaginatif, kritis, kreatif, inovatif dan inventif. Kandungan kurikulum berupaya membantu murid meningkatkan rasa kesyukuran terhadap Tuhan, menghargai keindahan alam persekitaran, keindahan seni dan warisan bangsa serta dapat menyumbang ke arah pembangunan diri, masyarakat dan negara, selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000). Dalam Pendidikan Seni Visual, guru menekankan aspek menggambar, membuat corak dan rekaan, membentuk dan membuat binaan serta mengenal kraf tradisional. Setiap keempat-empat aspek ini memberi penekanan terhadap pemerhatian secara aktif, interaksi yang kritis dan kreatif dengan alat dan bahan, apresiasi seni visual serta menghargai nilai-nilai baik yang boleh dicontohi. Dalam kajian ini, Pendidikan Seni Visual merupakan mata pelajaran yang diambil oleh murid. Ia bertujuan untuk menerapkan dengan penghayatan warisan seni visual dan mengamalkannya dalam kehidupan, terutama dalam meningkatkan nilai hidup.

Pendidikan Seni Visual (PSV) menjurus kepada seni tampak. PSV sekolah menengah lebih menegaskan kegiatan dalam proses penghasilan dengan melibatkan





aspek pemahaman, penghayatan dan kritikan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003). Pendidikan Seni Visual merupakan salah satu mata pelajaran yang digolongkan dalam bidang kemanusiaan dan merupakan mata pelajaran elektif bagi peringkat menengah atas. Pelajar boleh memilih PSV sebagai mata pelajaran elektif dan mengikuti mata pelajaran tersebut sehingga menduduki peperiksaan awam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Md. Nasir Ibrahim dan Iberahim Hassan (2003) mengidentifikasi pendidikan seni sebagai program pendidikan yang bersistem, terancang dan prestasinya boleh diukur bagi memenuhi keperluan individu. Keperluan individu ini dapat dicapai melalui aktiviti seni yang melibatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai proses, teknik dan media.

PSV melibatkan tiga domain utama iaitu domain kognitif, afektif dan psikomotor. Domain Kognitif ialah ilmu yang berkaitan dengan gubahan, prosedur, sejarah dan apresiasi, estetika serta seni dalam kehidupan. Domain Afektif ialah suatu aspek yang berkaitan dengan nilai, sikap, minat, keprihatinan, mempunyai pertimbangan, menghargai warisan dan mempunyai sahsiah yang baik. Domain Psikomotor ialah menumpukan kepada pertumbuhan kemahiran dalam pergerakan atau gerak balas yang boleh terbentuk melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, meningkatkan kualiti koordinasi antara mata, tangan, otot dan mental (Iberahim Hassan, 2006).





1.8 Organisasi Penulisan Bab Tesis

Terdapat lima bab dalam tesis ini. Bab satu merupakan pengenalan tesis yang ditulis. Bab ini mengandungi latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan seterusnya penjelasan tentang organisasi penulisan.

Berhubung dengan keperluan mengkaji PBS dan hubungannya dengan estetik, maka penulisan bab dua memfokuskan kepada sorotan literatur yang meliputi beberapa kajian lampau, teori dan konsep yang berhubung kait dengan tajuk kajian. Penyelidik membincangkan sejarah dan perkembangan pentaksiran di Malaysia dan di luar negara pada peringkat awal iaitu kajian lampau yang berkait dengan pelaksanaan PBS dan estetik. Seterusnya, bab dua juga menjelaskan falsafah dan teori yang berhubung kait dengan pentaksiran yang digunakan dalam kajian ini. Penyelidik akan mengutarakan konsep-konsep yang berkaitan dengan tajuk, strategi dan prinsip dalam pelaksanaan pentaksiran. Pada akhir bab ini, kerangka konsep kajian akan diutarakan oleh penyelidik dengan berasaskan kepada pemahaman teori, konsep dan prinsip pentaksiran.

Penyelidik akan membincangkan metodologi kajian dalam bab tiga. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan kajian, reka bentuk kajian dan tempat kajian. Kemudian, penyelidik membincangkan responden kajian yang digunakan dalam kajian ini. Penyelidik juga membincangkan kaedah pengumpulan data dan matriks pengumpulan data yang digunakan secara lebih jelas, kebolehpercayaan data, prosedur dan proses pengumpulan data. Penyelidik juga memuatkan proses analisis





data yang digunakan dalam kajian ini dan rumusan keseluruhan bab tiga pada akhir bab ini.

Dapatan kajian yang diperoleh semasa di lapangan setelah memahami dan mengenal pasti proses dan prosedur kajian akan dimuatkan pada bab empat. Penyelidik akan membincangkan dapatan kajian yang berkaitan proses pelaksanaan PBS dalam subjek Pendidikan Seni Visual di Hilir Perak dan Bagan Datuk. Dapatan kajian dibentangkan melalui penelitian terhadap proses dan prosedur PBS semasa dan selepas proses PBS dilakukan. Penyelidik juga membuat kupasan tentang strategi PBS dalam subjek PSV di Hilir Perak dan Bagan Datuk dalam pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan estetik. Penyelidik akan membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan PBS dalam subjek PSV. Penyelidik meneliti dan menganalisis segala faktor yang mempengaruhi pelaksanaan PBS dalam subjek PSV sehingga akhirnya dapat melihat sejauh mana faktor tersebut dapat dikaitkan dengan pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan estetik. Penyelidik akan membuat rumusan pada akhir bab ini.

Bab yang kelima iaitu bab akhir, penyelidik akan membuat perbincangan dan rumusan hasil daripada dapatan kajian yang diutarakan dalam bab empat. Pembahagian bab ini berdasarkan kepada proses pelaksanaan PBS, strategi dan faktor-faktor yang mempengaruhi PBS dalam subjek PSV yang berasaskan estetik. Seterusnya penyelidik mengemukakan implikasi dapatan kajian, kesimpulan dan cadangan kajian lanjutan pada akhir bab lima.

